

22/04/2000

Bumiputera perlu bersatu perkukuh ekonomi

AMARAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai ancaman terhadap ekonomi Bumiputera oleh puak asing tertentu harus menyedarkan rakyat Malaysia, khasnya orang Melayu untuk terus berwaspada terhadap tindak tanduk anasir itu. Rakyat Malaysia terutama orang Melayu harus memandang berat terhadap bahaya ancaman ini dan bersedia untuk bertindak bagi mematahkan sebarang percubaan mereka untuk meranapkan ekonomi Bumiputera dan negara ini.

Sehingga kini pengusaha asing gagal untuk menguasai syarikat strategik Bumiputera di Malaysia walaupun ketika rantau Asia dilanda kegawatan ekonomi yang teruk sejak pertengahan 1997. Tindakan kerajaan mengawal aliran keluar mata wang ringgit dan asing berjaya mengendurkan kesan kegawatan serta dapat pula mempercepatkan pemulihan ekonomi negara. Demikian pula sekatan itu berjaya mempertahankan syarikat Bumiputera terpenting daripada tekanan yang boleh membawa kepada kemusnahan. Usaha ini telah berjaya menghindarkan syarikat itu diambil alih pelabur asing tertentu. Syarat-syarat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang membolehkan Bumiputera menguasai beberapa syarikat strategik juga dapat dikekalkan. Ia juga menentukan usaha memberi peluang kepada Bumiputera meningkatkan taraf hidup mereka serta menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia keseluruhannya tetap terjamin.

Kejayaan kerajaan dan rakyat Malaysia memulihkan ekonomi dalam tempoh singkat setelah melalui masa-masa kegawatan, mungkin mengecewakan mereka yang berminat kerana gagal untuk memiliki bank utama, syarikat strategik seperti syarikat telekomunikasi, media dan pengangkutan negara ini. Sebelum ini ada anasir asing sangat berharap ekonomi Malaysia akan turut ranap untuk membolehkan mereka memiliki syarikat terbabit. Mereka juga berusaha untuk menggagalkan pemulihan ekonomi Bumiputera dengan melabelkan sebarang usaha pemulihan sebagai tindakan penyelamat. Sikap ini juga menunjukkan mereka ingin melihat syarikat besar dan kecil Bumiputera berkubur.

Mereka sedar DEB dan kejayaan Bumiputera dalam bidang ekonomi menjadi penghalang utama bagi mereka menguasai syarikat besar Bumiputera di negara ini seperti yang mereka dapat lakukan di beberapa negara jiran yang mengalami kemelesetan ekonomi yang sangat teruk. Dengan bantuan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) mereka dapat membeli bank dan syarikat perusahaan serta syarikat strategik lainnya di negara itu dengan harga yang murah. Ini adalah berikutan badan kewangan dunia itu mengenakan syarat memaksa ekonomi negara itu dibuka sepenuhnya untuk pengusaha asing sebelum ia bersetuju menghulurkan wang pinjaman bagi membolehkan negara itu bernafas semula.

Walaupun setakat ini puak asing itu gagal untuk meranapkan ekonomi Malaysia mereka tetap tidak putus asa dan akan terus berusaha untuk mensabotaj ekonomi negara khususnya Bumiputera dengan cara lain. Dasar globalisasi yang diperkenalkan sejak akhir-akhir ini adalah strategi baru mereka untuk menguasai ekonomi negara dunia ketiga dan negara yang mereka gelar harimau Asia termasuk Malaysia. Rakyat Malaysia dan negara membangun perlu memahami dasar ini dan harus berusaha membuat persediaan untuk menghadapinya. Jika rakyat tidak memahami serangan ini mereka mungkin dikuasai kembali oleh puak asing secara baru.

Selain itu puak asing ini sedang memantapkan kekuatan mereka melalui penyatuan dan penggabungan bank dan syarikat perusahaan dalam gagasan

syarikat gergasi yang dengan mudah dapat meranapkan syarikat dan bank tempatan apabila mereka dapat menembusi sempadan negara melalui proses globalisasi. Pada masa yang sama perdagangan moden melalui syarikat dotcom akan menjadikan kebanyakan syarikat tempatan tidak berfungsi kerana cara syarikat dotcom menjalankan urusan niaga ialah berurusan terus dengan pembeli di negara ini.

Perdagangan cara demikian tentunya mengancam hasil pendapatan kerajaan daripada kutipan cukai import dan korporat kerana syarikat tempatan sudah tidak berniaga lagi. Ini juga akan menyebabkan kerajaan kerugian hasil untuk usaha pembangunan dan peluang pekerjaan untuk rakyat pula akan semakin kurang dan pengangguran pastinya bertambah. Walaupun harga barangan import mungkin murah tetapi rakyat yang menganggur tentunya tidak mempunyai wang untuk berbelanja. Dengan itu amatlah penting rakyat Malaysia khususnya Bumiputera bersatu-padu dan bekerja lebih keras untuk memperkukuhkan kedudukan ekonomi mereka. Inilah saja cara berkesan untuk mematahkan serangan puak asing ini menguasai ekonomi negara supaya kembali berada dibawah telunjuk kuasa mereka.

(END)